

01 MAY 1999

Abdullah-Azizah

KERAJAAN TIDAK BERCADANG SEKAT WAN AZIZAH

KOTA BAHARU, 1 Mei (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang menyekat Presiden Parti KeADILan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail daripada pergi keluar negara untuk mendapatkan sokongan politik.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perbuatan Azizah itu tidak akan menggugat negara ini kerana rakyat tahu menimbang apa yang dilakukan oleh pemimpin parti pembangkang itu.

"Tak perlulah. Dia nak pergi mana pergilah, dia adalah rakyat Malaysia yang bebas, ada passport ... orang nak bagi visa, bagilah ... kita tak perlu sekat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan tengah hari bersama pemimpin Umno dan Barisan Nasional di Sri Puri, Peringat di sini hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Wan Azizah berkunjung ke Filipina dan mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menyamakannya dengan bekas Presiden Filipina Ferdinand Marcos.

Beliau berkata bukanlah menjadi budaya bangsa Malaysia untuk melahirkan rasa tidak puashati terhadap sesuatu yang berlaku dalam negara, di negara luar.

"Pergi luar negara, cakap benda tak betul, ini bukan kelaziman bangsa kita, kalau nak, cakap dalam rumah (dalam negara)," katanya.

Abdullah berkata PAS juga tidak yakin dengan kemampuannya sehingga merestui tindakan Wan Azizah mendapatkan sokongan daripada pihak luar seolah-olah mereka ingin mendapat faedah daripada usaha pemimpin wanita parti pembangkang itu.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan tindakan Wan Azizah membandingkan Dr Mahathir dan Ferdinand Marcos sebagai tidak berasas dan keterlaluan.

"Macam mana Azizah nak bandingkan Perdana Menteri dengan Marcos, dia sendiri tidak tahu keadaan sebenar di Filipina dan dia juga tidak tahu politik Malaysia. Politik di Malaysia macam-macam berlaku perubahan yang membuktikan kita tidak pernah mengemis meminta pertolongan daripada orang lain," katanya.

Beliau berkata Umno dan Barisan Nasional telah membela nasib bangsa Malaysia hingga ke satu tahap yang membanggakan dengan amalan demokrasi berjalan lancar yang membolehkan rakyat menentukan masa depan melalui proses yang baik.

Ditanya mengenai tindakan terbaru kerajaan terhadap akhbar Harakah yang dikatakan menyiarkan laporan-laporan tidak berasas, Abdullah berkata kerajaan telah memberi peringatan dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak pengurusan akhbar itu.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Peringat, Abdullah menyeru rakyat supaya bertindak berlandaskan hikmah yang digariskan dalam ajaran Islam supaya sentiasa mendapat kejayaan yang berkat.

Beliau berkata Islam amat menuntut umatnya supaya banyak melakukan kebaikan dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh menimbulkan keburukan.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat banyak bersyukur terhadap kemakmuran dan keamanan negara yang dinikmati sekarang dan sama-sama berusaha memastikannya berterusan.

"Oleh itu peliharalah kuasa yang ada pada kita dan jangan dibiarkan ia dijajah oleh kuasa luar yang sentiasa iri hati dengan kejayaan Malaysia,"

katanya.

Abdullah juga mahukan rakyat mengikis perasaan rendah diri yang wujud sejak sekian lama bagi menjamin rakyat dan negara Malaysia mampu berada di tahap paling atas dalam apa jua bidang berbanding negara-negara lain.

-- BERNAMA

BD RON